



**MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)**

Peraturan Pemarkahan

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2018

**BAHASA MELAYU
Kertas 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**
 b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi** [20 markah]

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan :
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
 - nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan : 2 markah	Markah
Petikan membincangkan kebaikan / faedah / kelebihan tarian sebagai medium perkembangan remaja di Malaysia/ di negara ini.	2
Rumusan membincangkan kebaikan / faedah / kelebihan tarian sebagai medium perkembangan remaja dan cara-cara menggalakkan penyertaan tarian di sekolah	2
Petikan membincangkan kebaikan / faedah / kelebihan tarian sebagai medium perkembangan remaja dan peranan ibu bapa untuk menggalakkan penyertaan anak-anak dalam bidang tarian	2

Isi-isi Tersurat [4 – 12 markah] **Manfaat tarian sebagai medium perkembangan remaja :**

1. membentuk sahsiah dan jati diri remaja	2
2. menonjolkan bakat dan potensi diri mereka yang lahir secara semula jadi	2
3. membina keyakinan dan keberanian seseorang individu untuk tampil di hadapan semasa membuat persembahan	2
4. melahirkan keupayaan remaja untuk menguasai sesuatu gerakan kreatif	2
5. mengetahui susur galur keturunan dan sejarah tarian tradisional di Malaysia	2
6. dapat menyatukan pelajar berbilang bangsa tanpa mengira kaum.	2
7. mampu melahirkan individu yang berdisiplin tinggi	2
8. remaja akan lebih berdikari dan terdidik untuk mengimbangi diri dalam pelajaran serta aktiviti kokurikulum	2

Isi-isi Tersirat [4 – 12 markah] **Cara-cara menggalakkan penyertaan tarian di sekolah**

1. menubuhkan kelab Tarian dan Kesenian	2
2. mengadakan pertandingan tarian untuk mencungkil bakat baharu	2
3. Guru muzik mempromosikan aktiviti yang menarik dalam kelab tarian	2
4. Ahli kelab tarian diberikan keistimewaan untuk membuat persembahan di peringkat negeri/kebangsaan	2
5. Melantik jurulatih tarian yang pakar dan terkenal untuk memberikan bimbingan	2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama untuk memartabatkan bidang tarian agar warisan kesenian dapat dilestarikan.	2
---	---

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas.ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

- (i) Rangkai kata *kemampuan individu* ialah
- keupayaan / kebolehan / kesanggupan seseorang 2 markah
 - keupayaan/ kebolehan/ kesanggupan individu 1 markah
 - kemampuan seseorang 1 markah

(ii) Peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menyertai tarian

- sokongan ibu bapa penting dengan memberikan peluang kepada anak-anak untuk mengambil bahagian dalam seni tari
- Ibu bapa juga perlu membantu anak-anak memilih bidang tarian yang diminati dan mempunyai hala tuju
- motivasi yang diberikan secara berterusan mampu melahirkan anak-anak yang aktif dalam seni tari.

[3 markah]
[isi cukup: 2 isi]

(iii) Usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan bidang kesenian dan kebudayaan di Malaysia

- menawarkan kursus dalam bidang kesenian dan kebudayaan di universiti
- membuka institut latihan yang melatih penggiat seni dan budaya
- menawarkan biasiswa atau bantuan kewangan bagi pelajar yang meminati bidang kesenian
- mengadakan pelbagai program yang menarik untuk mempromosikan bidang kesenian dan kebudayaan
- kerajaan mengadakan kempen kesenian yang berterusan
- kerajaan menganjurkan pertandingan kesenian dan kebudayaan
- memperkenalkan bidang kesenian dan kebudayaan di peringkat sekolah

3 isi cukup - 4 markah ATAU 2 isi berserta huraian – 4 markah

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

- (i) Keadaan anak-anak muda di kota
- keadaan anak-anak muda jiwa mereka rapuh
 - dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi
 - tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama
 - lelaki dan perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas
 - bergelak ketawa dalam loghat yang direka-reka

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Langkah-langkah:
- ibu bapa memberikan didikan agama dan moral kepada anak-anak
 - mencurahkan kasih sayang yang secukupnya/perhatian yang sepenuhnya
 - ibu bapa mengawal/mengawasi pergaulan anak-anak
 - ibu bapa menghabiskan sebahagian masa dengan anak-anak
 - ibu bapa sentiasa memperhatikan perubahan-perubahan pada diri anak-anak

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) **Satu** persoalan yang terdapat dalam petikan [1 P + 1 H]

1. Persoalan tentang pencemaran bahasa – contohnya, anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa.
2. Persoalan tentang keruntuhan akhlak anak-anak muda – misalnya anak-anak muda dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi

Satu persoalan lain daripada keseluruhan cerpen [1P + 1H]

1. Keinginan anak muda berhijrah ke bandar untuk membina kehidupan - contohnya, 'saya' memohon keizinan ibunya untuk berhijrah ke bandar bagi membina kehidupannya seperti kebanyakan remaja yang lain
2. Peranan penjajah dalam usaha memecahbelahkan rakyat sesebuah negara – contohnya, pihak penjajah telah menjalankan sistem pecah dan perintah agar agihan kekayaan negara tidak berlaku secara adil hingga menimbulkan rusuhan kaum akibat rasa tidak puas hati rakyat
3. Kegigihan anak muda mempelajari segala ilmu untuk meneruskan kehidupannya – Contohnya, 'Saya' tekun belajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kehidupan sebelum berhijrah ke bandar
4. Ketaatan seorang anak terhadap nasihat ibu – 'Saya' mentaati nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana pada pendapat ibunya 'saya' masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di Bandar
5. Tanggungjawab seorang ibu terhadap anak – Contohnya, ibu keberatan untuk melepaskan 'saya' ke bandar kerana bimbang 'saya' terpengaruh akan budaya negatif yang terdapat pada remaja di bandar
6. Kepentingan ilmu agama – bonda hanya membenarkan aku/Mel ke kota setelah benar-benar yakin dengan pegangan dan ilmu agama

[Maksimum - 4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

- (i) Maksud *penjurit besar* ialah
 penjurit = pejuang / askar upahan / penjarah / penjahat
 besar = hebat / terkenal / gagah

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Tindakan yang dilakukan oleh Kertala Sari sebaik sahaja ia sampai :
- Ia singgah di luar kota (pada segala kampung Jawa)
 - ia menyamar
 - ia berjalan keluar masuk kampung / ia meninjau segenap kampung

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) Cara-cara untuk dapat menewaskan Laksamana
- menggunakan tipu helah untuk menewaskan Laksamana
 - menunggu saat yang sesuai untuk membunuh / menikam secara curi
 - mengupah orang lain untuk membunuh Laksamana
 - menggunakan racun
 - bertarung secara pahlawan / panglima
 - berpakat dengan Patih Kerma Wijaya

[Maksimum - 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]**

Soalan 2 (d): Sajak

- (i) Cara-cara penyajak menzahirkan keinsafan
- diam dan mengenang dosa lalu
 - mengalir air mata/menangis sambil bersujud kepada Tuhan
 - melafazkan ungkapan taubat kepada Tuhan (dengan sebak)
 - berdoa/memohon ampun kepada Tuhan

[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) Kesan jika manusia sedar dunia bersifat sementara
- berusaha mendekatkan dirinya dengan Tuhan
 - tidak melakukan perkara yang ditegah oleh agama/Tuhan
 - melakukan amalan yang baik/sembahyang/bersedekah/dsb
 - tidak terlalu bersifat kebendaan/materialistik

(Kesan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) Nilai murni

1. Keinsafan [1 + 1]
Penyajak mengalirkan air mata kerana menginsafi dosa-dosa lalu
2. Kegigihan [1 + 1]
Penyajak memohon doa pada waktu yang hening, bersungguh-sungguh memohon maaf, dan melafazkan taubat dengan nada sebak
3. Keikhlasan [1 + 1]
Penyajak melafazkan taubat/berdoa secara ikhlas dan dan memohon ampun atas dosa-dosa lalu
4. Kesedaran [1 + 1]
Penyajak sedar bahawa dunia ini bersifat sementara dan berharap dirinya tidak melupakan hal tersebut
5. Ketaatan [1 + 1]
Penyajak memohon/berdoa supaya dia menjadi manusia yang taat kepada-Nya.

(Nilai murni yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi (1 + 1)]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

- | | | | |
|-------|---------|---|---|
| (i) | lengan | - | bahagian badan dari bahu hingga ke pergelangan tangan. |
| | lengang | - | tidak sibuk, tidak ramai orang, sepi atau sunyi. |
| (ii) | timbang | - | memegang anak dengan kedua-dua belah tangan sambil melambung-lambungkannya sedikit, meletakkan sesuatu pada tapak tangan serta menggerak-gerakkan ke atas ke bawah. |
| | timbang | - | sama berat, imbang |
| (iii) | trafik | - | lalu lintas (kenderaan) |
| | tragik | - | kejadian yang sedih atau menyedihkan. |

[6 markah]

Jawapan 3(b)

- (i) Pelajar tingkatan Lima Ceria diajar oleh Cikgu Hasnul mata pelajaran Sejarah pada setiap hari Sabtu.
- (ii) Pokok rambutan yang reput itu telah ditebang oleh pekerja kontrak petang tadi.
- (iii) Motosikal pusaka kesayangan ayah kami baiki di Bengkel Mutiara.

[6 markah]

Jawapan 3 (c)**Kesalahan ejaan:**

- | | | | |
|-------|-------------|---|---------------|
| (i) | habiskan | - | menghabiskan |
| | cucok | - | cucuk |
| (ii) | menghadiahi | - | menghadiahkan |
| | senaskah | - | senaskhah |
| (iii) | engkar | - | ingkar |
| | menggaul | - | bergaul |

[6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | | |
|-------|-------------|---|------------------------|
| (i) | Keharmonian | - | keindahan / kecantikan |
| | para-para | - | para |
| (ii) | tua | - | usang |
| | demi untuk | - | demi / untuk |
| (iii) | diwartakan | - | diarahkan |
| | di | - | pada |

Jawapan 3 (e)

- (i) sudah terhantuk baru terngadah.
- (ii) carik-carik bulu ayam, lama-lama akan bercantum juga /air dicencang tak akan putus.
- (iii) pelanduk dua serupa.

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**Soalan 4(a)**

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :

Baik	=	3 markah
Sederhana	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

Soalan 4(b)

- i. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraian yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;

Baik	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL

(a) Keistimewaan watak utama sehingga menimbulkan perasaan kagum pembaca:

Jendela Menghadap Jalan

Watak utama dalam novel ini ialah Lili.

- a. Keistimewaan watak Lili ialah seorang yang penyayang. Lili memenuhi permintaan ibunya agar menghabiskan masa cuti persekolahannya di kampung datuknya untuk membuktikan dia menyayangi ibunya.
- b. Lili seorang yang gigih. Lili berusaha mempelajari pelbagai bahasa termasuk bahasa Cina dan bahasa Inggeris sehingga berjaya dan dapat menguasai bahasa itu dengan baik.
- c. Lili juga seorang yang bijaksana. Hal ini terbukti apabila Lili bijak menyelesaikan kes keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman terhadap isterinya, Che Jah dan anak-anaknya Rafik dan Haziq.
- d. Seorang yang rajin membaca – Lili rajin membaca buku panduan pemakanan sayur-sayuran dan buah-buahan.
- e. Seorang yang taat akan ibu bapa - Akur cakap orang ibu bapanya walaupun agak keberatan untuk pulang ke kampung datuknya.
- f. Seorang yang suka berkawan dan peramah – dalam masa yang singkat sahaja Lili telah menjadi kawan rapat Geetha dan Danel.
- g. Seorang yang cepat bersimpati dengan orang lain – Walaupun dikurung oleh Haziq dan Rafiq tetapi Lili cuba membantu mereka.
- h. Seorang yang prihatin - meminta bantuan Kak Hamimah supaya mengambil tindakan terhadap suami Che Jah yang melakukan jenayah keganasan rumah tangga.
- i. Seorang yang mudah mesra – Lili mudah mesra dengan Danel dan sama-sama berbincang untuk pembinaan masjid baru di kampungnya itu.

(terima jawapan lain yang sesuai)

Songket Berbenang Emas

Watak utama dalam novel ini ialah Dahlia.

- a. Keistimewaan watak Dahlia seorang yang bertanggungjawab. Dahlia bertanggungjawab menjaga makan minum abah dan menjaga adik-adiknya yang masih kecil semasa ibunya dirawat di hospital kerana menghadapi masalah kemurungan.
- b. Dahlia seorang yang penyayang. Dahlia juga menyayangi adik-adiknya dan sanggup keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya apabila ibunya dimasukkan ke hospital.
- c. Dahlia seorang yang tabah. Dahlia tabah mengharungi cabaran hidup dengan menguruskan adik-adiknya yang masih kecil, melawat ibu dan ayahnya di hospital dan tabah menyesuaikan diri di pusat pemindahan banjir selepas rumahnya dihanyutkan air sungai sedangkan dia bakal menghadapi peperiksaan STPM.
- d. Seorang yang bijak - Cikgu Hisyam yakin Dahlia akan cemerlang dalam STPM. Dahlia merupakan pelajar harapan sekolah. Dahlia mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Jepun.
- e. Seorang yang tidak sombong – melayan Aton yang menyindirnya ketika dihantar pulang oleh Azhari.
- f. Seorang yang taat akan perintah Allah- berdoa selepas sembahyang Isyak.

- g. Seorang yang menghormati tetamu – memberi layanan yang baik kepada tetamu menghidangkan air walaupun neneknya tidak suka akan keluarganya.
- h. Seorang yang menjaga tatasusila budaya – akur kepada budaya Melayu yang melarang keras perbuatan membantah kata-kata orang tua.
- i. Seorang yang berani - Dahlia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said.

(terima jawapan lain yang sesuai)

(b) Latar tempat

Jendela Menghadap Jalan

- a. Kedai Runcit Letchumi. Kedai runcit ini terletak di Pekan Sentosa. Di kedai tersebut Lili bertemu dengan Geetha iaitu anak gadis India yang kali pertama telah ditemui oleh Lili di dalam bas ekspres semasa dalam perjalanan pulang ke kampung.
- b. Rumah datuk Lili di Kampung Sentosa. Pada suatu hari, Danel bersama bapanya William Ng datang ke rumah datuk Lili untuk memaklumkan kepada datuk bahawa bapanya bercadang untuk berhenti menerima rawatan perubatan tradisional daripada datuk kerana ingin mencuba perubatan moden pula.
- c. Dungun - Daerah tempat nenek dan datuk tinggal, daerah asal ibu Lili.
- d. Pekan Sejahtera
- e. Tempat tinggal Geetha - Kedai milik Letchumi ibu Geetha terletak di sini.
- f. Pekan Sentosa - Tempat tinggal datuk dan nenek Lili
- g. Bendang - Tempat Lili bertemu neneknya sewaktu tiba di kampung
- h. Masjid - tempat datuk bergotong-royong menaikkan kubah masjid bersama-sama penduduk kampung.
- i. Balai raya – Tempat penduduk kampung berkumpul bagi menyelesaikan masalah pembelian tanah orang kampung oleh orang yang tidak dikenali.

(terima jawapan lain yang sesuai)

Songket Berbenang Emas

- a. Sekolah Menengah Perempuan Temenggung Ibrahim Batu Pahat, Johor. Pada suatu petang Azhari datang mencari Dahlia ke Sekolah Menengah Temenggung Ibrahim. Kavita iaitu kawan Dahlia telah meminta Azhari untuk menunggu Dahlia di kantin sekolah.
- b. Hospital Batu Pahat. Pada suatu petang, ketika Dahlia ingin melawat ibunya di Hospital Batu Pahat Johor, Dahlia telah terserempak dengan Hj Sulaiman iaitu ketua kampung. Di kawasan hospital yang sama, Hj. Sulaiman memaklumkan kepada Dahlia bahawa ibunya telah ditukarkan ke Hospital Permai, Johor Bahru.
- c. Rumah Dahlia di Kampung Parit Haji Rais. Antara peristiwa penting yang berlaku di rumah Dahlia termasuk kunjungan ibu dan saudara mara Azhari untuk melamar Dahlia. Ibu Azhari telah menyerahkan sebentuk cincin kepada Dahlia di rumah itu sebagai satu tanda ikatan pertunangan.
- d. Padang bola jaring - Dahlia berlatih bola jaring bersama dengan rakannya, Siti Wangi.
- e. Kantin – Tempat Azhari menunggu Dahlia.
- f. SMK Tun Ismail – lima kilometer dari kampung halaman, tempat Azhari dan Dahlia pernah belajar sewaktu Dahlia Tingkatan satu dan Azhari Tingkatan Lima.
- g. Bilik Kerjaya - Dahlia bertemu dengan Cikgu Hisyam di bilik ini, Cikgu Hisyam mendapat tahu masalah Dahlia daripada Kavita.

- h. Kebun getah - 20 meter dari rumah seluas lima ekar tempat Saleha menoreh getah.
- i. Kampung Parit Haji Rais – Tempat tinggal Dahlia. Di sini, Dahlia menjaga adik-adiknya, Melati, Kiambang, Mawar, dan Anggerik setelah emaknya dirawat di hospital.
- j. Hospital Permai, Johor Bahru – Tempat emak Dahlia dirawat di bilik 16. Di sini juga Azhari bekerja sementara setelah mendapat segulung ijazah.
- k. Sungai –kira-kira 45 meter dari rumah Dahlia - Dahlia cuba menyelamatkan Said yang lemas di sungai ini.
- l. Kebun kelapa sawit di Parit Haji Kadir- Kira-kira dua kilometer dari rumah Dahlia di sinilah Embong memotong kelapa sawit setelah pulang dari rumah Aton. Di kebun kelapa sawit inilah ular sawa telah membelit Embong.
- m. Balai raya Kampung Parit Haji Rais - Beberapa orang penduduk bergotong – royong semasa majlis sambutan Maulidur Rasul. Selain itu, di sini juga menjadi tempat pemindahan mangsa banjir yang berlaku di kampung Dahlia.

(terima jawapan lain yang sesuai)

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT